

14/04/2000

Malaysia wajar bertegas dengan Singapura

KENYATAAN Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz di Dewan Rakyat kelmarin mengenai sikap Singapura terhadap Malaysia, ada kebenarannya. Republik itu mengadakan pelbagai helah untuk menjadi penghalang kepada usaha memulihkan hubungan baik dua hala, selagi Malaysia 'tidak mahu memberikan bekalan air mentah seperti yang dituntutnya'. Lantaran itu, dalam apa juga isu dan perbalahan timbul, walaupun Malaysia mengambil inisiatif, Singapura mengambil sikap acuh tidak acuh. Ketika kita begitu komited menyelesaikan isu Central Limit Order Book (Clob), mereka dengan angkuh hendak membawa perkara itu ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Mereka mengambil sikap seolah-olah Malaysia yang menimbulkan masalah walhal ia berpunca daripada tindakan mereka sendiri apabila menubuhkan CLOB untuk mengurus niaga saham syarikat-syarikat Malaysia.

Singapura pada bila-bila masa pun memang tidak boleh menerima hakikat bahawa ia adalah negara kecil dan memerlukan berbagai bahan dari negara lain. Sikap 'kiasu' merekalah yang menyebabkan dalam semua segi mereka tidak mahu beralah walaupun apabila menghendaki ihsan orang. Walaupun Perdana Menterinya, Goh Chok Tong tahun lalu berkata hubungan Malaysia-Singapura harus berbentuk 'menang-menang' hakikatnya mereka sentiasa berkehendakkan sesuatu itu mengikut kepentingan mereka saja tanpa menghiraukan sama ada ia memberi faedah kepada Malaysia juga. Hal ini ternyata sekali dalam soal bekalan air dan penggunaan ruang udara Malaysia.

Barangkali ada hikmahnya kita tidak menerima tawaran bantuan kewangan AS\$4 bilion dari Singapura bagi menangani kegawatan ekonomi dua tahun lalu. Mungkin bantuan itu akan kerap dijadikan alasan untuk Malaysia sentiasa tunduk kepada segala kemahuan mereka. Ia juga menjadi simbol yang boleh dibanggakan oleh mereka bahawa dalam banyak perkara, Malaysia lebih memerlukan Singapura daripada mereka memerlukan kita.

Tidak keterlaluan jika dikatakan Singapura sengaja tidak mahu menilai kesanggupan Malaysia untuk terus membekalkan air. Sewajarnya, dengan apa yang dibantu oleh kita, mereka perlu lebih menunjukkan kesungguhan menyelesaikan semua isu membabitkan hubungan antara kedua-dua negara seperti pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), penggunaan ruang udara Malaysia bagi pesawat mereka, Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) mahupun Clob. Tidak ada guna kita menyelesaikan satu isu, kemudian timbul pula satu isu lain. Malangnya, Singapura ternyata sukar menghormati pandangan dan keikhlasan Malaysia yang ingin mencari penyelesaian melalui perbincangan, bukannya bertegang urat atau menghantar mesej melalui media.

Malaysia memang bersedia menawarkan bekalan air sebanyak mana yang mereka perlukan buat selamanya jika republik itu memenuhi beberapa permintaan Malaysia. Ini pernah ditegaskan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kita tidak boleh memberi sesuatu tanpa menerima apa-apa balasan, jika ada pun sekadar sementara sedangkan bekalan air yang ditawarkan adalah sesuatu yang berpanjangan. Singapura berusaha memujuk Malaysia menggandakan bekalan air mentah kepada 750 juta gelen air setiap hari mengikut perjanjian baru 100 tahun selepas kontrak sedia ada berakhir pada 2061.

Namun, dalam hal ini kita mesti bertegas apatah lagi sejak kebelakangan ini banyak tingkah laku negara itu yang tidak menyenangkan. Malaysia sudah menyatakan bahawa ia hanya berminat membekalkan air yang sudah dirawat ke

Singapura selepas perjanjian baru. Dengan itu, kita juga harus memberi notis bahawa menjelang tarikh itu semua lojinya di Johor harus ditutup. Ketika itu kita boleh membekalkan sebanyak mana pun air yang mereka perlukan tetapi hanya air yang sudah dirawat. Kita tidak harus bertolak ansur lagi dalam hal ini. Kalau mereka tidak mahu tawaran kita itu, mereka bolehlah mendapatkan keperluan air mereka dari tempat lain. Malah mereka pernah menyatakan ura-ura untuk mendapatkan sebahagian besar bekalan airnya daripada Indonesia. Kita memang tidak berhalangan terhadap hasrat mereka ini.

Dalam isu CPF pula, Singapura mesti bersikap rasional dengan membenarkan rakyat Semenanjung mengeluarkan caruman. Pekerja dari negara Asean lain dibenar mengeluarkan simpanan CPF mereka apabila sudah meninggalkan negara itu. Kebenaran itu juga diberi kepada pencarum dari Sabah dan Sarawak. Kita kurang mengerti apa rasional mereka membeza-bezakan Malaysia dengan negara Asean lain, malah dengan dua wilayah Malaysia sendiri. Apakah sikap Singapura itu menunjukkan mereka tidak mengiktiraf kedua-dua negeri itu sebagai wilayah Malaysia?

(END)